

# PEKANBUKU

BAHAGIAN BUKU AKADEMIK DAN TEKS

SILA TINGGALKAN  
TOPI / BEG / JAKET  
↓ D' SINI ↓



“ Dengan modal syer melebihi RM2 juta, KKUM menjalankan perniagaan berbagai bidang yang melebihi pendapatan sebanyak RM40 juta setahun ”


**Mohd Said Mohd Kadis**  
Pengerusi KKUM Berhad

## INFO

### Pengiktirafan diterima oleh KKUM

- 1995 - Anugerah Kualiti Menteri Besar Selangor
- 1996 - Anugerah Kualiti Koperasi Anugerah Menteri
- 1997 - Anugerah Koperasi Terbaik Peringkat Bandar
- 1998 - Anugerah Kualiti Perdana Menteri Peringkat Sosio-Ekonomi; Kedai Harga Patut - Kedai Buku oleh KPDNHEP
- 1999 - Anugerah Kualiti Koperasi IPT Peringkat Nasional
- 2001 - Wira Koperasi - Profesor Diraja Ungku Aziz (Anggota Lembaga); Anugerah Koperasi Terbaik Selangor/Anugerah Menteri Besar; Anugerah Tokoh Koperasi Peringkat Nasional - Datuk Mohd Ali Hassan (Naib Pengerusi)
- 2003 - Anugerah Khas Negeri Selangor
- 2004 - Anugerah Khas Aktiviti Pengguna - Hari Koperasi Negara
- 2005 - Anugerah Utama; Anugerah Kualiti Koperasi Negeri Selangor
- 2006 - Anugerah Utama; Anugerah Kualiti Koperasi Negeri Selangor; Kedai Harga Patut - Kedai Buku oleh KPDNHEP
- 2007 - Tokoh Koperasi Peringkat Nasional - Datuk Mohd Ali Hassan (Naib Pengerusi)

■ ALAMAT  
Pentadbiran d/a Rumah  
Universiti, Tinja



KEDAI buku milik KKUM mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai Kedai Harga Patut.

# 40 tahun KKUM gah cipta nama

## Berkembang pesat mengikut semangat, nilai dan prinsip koperasi

Oleh Haryani Ngah  
aryani@bharian.com.my

**B**AGAI sebuah gedung ilmu dan maklumat, apa saja buku yang dikehendaki sama ada pelajar atau masyarakat Malaysia secara amnya akan dapat diperolehi di Koperasi Kedai-buku Universiti Malaya Berhad (KKUM).

KKUM yang ditubuhkan pada 31 Mei 1968 adalah keputusan Profesor Diraja Ungku Aziz yang memandangkan bahawa koperasi perlu wujud di universiti dengan matlamat membekalkan buku kepada warga kampus.

Ketika itu, warga kampus sukar mendapatkan buku dan mereka terpaksa keluar ke bandar untuk mendapatkannya dan harga jualannya juga agak mahal di samping berdepan dengan buku yang tiada di pasaran.

Sehubungan itu beliau berpandangan bahawa sebagai sebuah pusat pengajian tinggi, adalah perlu mempunyai sebuah tempat untuk mendapatkan semua keperluan pembelajaran, pelajaran, jurnal dan alat tulis bagi pelajar dan kakitangan universiti dan boleh dibeli dengan harga berpatutan.

Justeru, cara terbaik untuk melaksanakannya adalah menerusi penubuhan koperasi dan Universiti Malaya (UM) adalah universiti pertama di Malaysia mempunyai koperasi.

Pengerusi KKUM Berhad, Mohd Said Mohd Kadis, berkata ahli KKUM terdiri kepada semua kakitangan universiti dan sehingga kini mempunyai lebih dari 3,000 ahli.

"KKUM yang mempunyai 170 kakitangan membabit-

kan semua bahagian dan setiap bahagian mempunyai pengurus masing-masing.

"Dengan modal syer melebihi RM2 juta, KKUM menjalankan perniagaan berbagai bidang yang melebihi pendapatan sebanyak RM40 juta setahun.

Dividen yang diberikan kepada ahli adalah antara 10 hingga 15 peratus," katanya.

Menurut Mohd Said berkata, penjualan buku itu tidak semata-mata untuk warga kampus sebaliknya terbuka kepada orang ramai di seluruh negara dan turut membekalkan buku untuk perpustakaan dan jabatan kerajaan.

Kedai buku itu mendapat kepercayaan daripada banyak institusi berikutan harganya yang berpatutan, penghantaran lebih pantas memandangkan buku diperolehi terus daripada penerbit

dari seluruh dunia kerana KKUM mempunyai hubungan dengan penerbit antarabangsa.

"Pada Mac nanti, KKUM akan menghantar pegawai ke Pameran Buku Dunia di Mesir bertujuan mendapatkan tajuk-tajuk buku terkini.

"KKUM juga menjadi wakil antarabangsa untuk jurnal online," katanya.

Selain daripada penjualan buku, KKUM turut mengembangkan aktiviti lain antaranya peruncitan barangan pengguna, pelancongan dikenali sebagai UC Travel, jualan barangan elektrik dan komputer serta menyediakan perkhidmatan catering termasuk menguruskan Rumah Universiti.

Aktiviti perniagaan KKUM membabitkan Pekan Buku yang terletak di kampus UM, Pekan Buku cawangan Perubatan di Pusat Per-

ubatan Universiti Malaya, Intan Koop dan Pekan Buku cawangan Shah Alam dan akan membuka sebuah lagi cawangan di Bangi.

Kedai buku milik KKUM mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai Kedai Harga Patut.

Ini kerana buku-buku yang dijual oleh KKUM adalah 10 peratus lebih murah berbanding pasaran.

KKUM turut membantu warga kampus dengan memberi derma bertujuan membantu pelajar menjalankan aktiviti di kampus. Bantuan kewangan diberikan bergantung kepada jenis projek.

Sebagai sebuah koperasi yang wujud di universiti, KKUM turut membantu pelajar dengan memberikan latihan keusahawanan terma-

Universiti, Tingkat,  
Universiti Malaya  
Telefon: 03-  
79552595/79673414  
Faks: 03-79547040  
Emel:  
admin\_ru@streamyx.com

suk memberikan peluang pekerjaan kepada pelajar semasa cuti semester.

Aktiviti itu dilakukan dalam usaha membantu usahawan dan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD).

KKUM turut membantu koperasi lain seperti Koperasi Asli Selangor dengan Pusat Basmi Kemiskinan UM seperti meningkatkan upaya pendidikan anak Orang Asli, memberi bantuan penyelidikan herba serta membangunkan tanah milik mereka dan pelancongan.

Apa yang dilakukan itu adalah berdasarkan prinsip kerjasama antara koperasi.

KKUM yang berusia lebih 40 tahun berkembang pesat mengikut semangat koperasi dengan menerapkan nilai dan prinsip koperasi.